

Pengurusan bijak atasi pencemaran alam sekitar

BH 3 JUL 2001

Oleh Kadir Dikoh dan Zulkoffi Jamaluddin

KUALA LUMPUR, Isnin – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu pengurusan pembangunan untuk rakyat yang semakin meningkat, dikendalikan dengan bijak bagi memastikan alam sekitar tidak tercemar dan terus musnah.

Perdana Menteri berkata, sebarang bentuk pencemaran perlu diawasi dan ditangani agar tidak menjejaskan alam sekitar dengan teruk sehingga menjadikan rakyat tidak sihat. “Pelupusan sampah perlu dibuat dengan berhati-hati. Membakar sampah secara terbuka tetap akan mencemarkan udara dan mengganggu kesihatan serta kualiti hidup kita.

“Memang pertambahan tinggi bilangan anggota masyarakat memerlukan kawasan perumahan, perubatan dan perniagaan lebih luas. Tetapi kawasan

“Kita juga perlu kawasan hutan untuk takungan air bagi menjaga kuasa elektrik dan pertanian. Kita tidak boleh ikut desakan orang asing terutama pertumbuhan bukan kerajaan (NGO) yang mahukan hutan dikekalkan sebagai “carbon sink” mereka, menyerap karbon dioksida yang dikeluarkan dengan banyaknya oleh mereka tanpa mengambil kira keperluan rakyat kita.

“Sementara kita perlu selamatkan hutan kita, hasil daripada hutan hendaklah kita keluarkan dengan cermat di samping kawasan yang berpatutan dibersihkan untuk keperluan kehidupan kita.

“Kita berhak mendapat hasil hutan kita secara ter-

Perdana Menteri mahu pencemaran diawasi dan ditangani agar tidak menjejaskan alam sekitar dengan teruk sehingga menjadikan rakyat tidak sihat

dengan keadaan sedia ada seperti hutan, perlu dkekalkan,” katanya.

Dr Mahathir menegaskan demikian ketika merasmikan sambutan Jubli Perak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Beliau turut menyampaikan hadiah kepada pemenang Kuiz Sains Nasional 2001 yang dimenangi Maktab Rendah Sains Mara Langkawi. Tiga pesertanya, antara lain, meraih Piala Pusingan Perdana Menteri dan berpeluang berkunjung ke Sweden untuk menyaksikan majlis anugerah Nobel.

Perdana Menteri kemudian melawat ekspo sains dan teknologi serta me-

nyampaikan cendera mata kepada kakitangan paling lama berkhidmat termasuk Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding yang berkhidmat di kementerian itu sejak 1974, bermula sebagai Setiausaha Parlimen.

Dalam ucapan itu, Perdana Menteri kesal kerana Malaysia sering dituduh tidak prihatin terhadap alam sekitar walaupun hakikatnya kerajaan mengawal hutan dengan rapi.

Katanya, hutan adalah punca kekayaan negara dan Malaysia bukanlah negara kaya. Ia perlu mengeluarkan hasil hutan terutama balak untuk membangunkan ekonomi serta juga ruang bagi penduduknya yang semakin bertambah.

di dalamnya. Potensi untuk industri berasaskan “genome” amat besar dan boleh menghasilkan kekayaan bagi negara ini.

“Untuk ini, kita perlu kawal kekayaan hutan kita supaya tidak ada sesiapa yang membawa keluar tumbuhan dan kehidupan lain dari hutan kita untuk dibuat kajian bagi mendapatkan hasil yang lumayan bagi mereka.

“Sebaliknya, kita perlu bekerjasama dengan penyelidik dari negara lain untuk mengutip dan menyimpan segala data serta contoh “genome” yang ada di negara kita. Saya yakin, dengan kekayaan jumlah “genome” kita, banyaklah industri bioteknologi dapat

dihasilkan,” katanya.

Perdana Menteri berkata, kerana itu, kerajaan bersetuju mengadakan Lembah Biotek dalam Koridor Raya Multimedia (MS) yang akan menaikkan lagi potensi pembangunan MSC.

Usaha akan dibuat untuk mengumpul data dan menyusunnya supaya kajian selidik dapat dibuat mengenai “genome” yang boleh menghasilkan pelbagai jenis perubahan.

Dr Mahathir berharap saintis tempatan akan membabitkan diri secara serius dalam bidang bioteknologi yang dipercayai boleh menyumbang kepada pembangunan industri canggih yang membantu pertumbuhan ekonomi negara.